KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPNS/JPSM			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

NASIONAL

JPNS nafi dakwaan NGO mengenai penjualan tanah di beberapa kawasan negeri Selangor

'Bukan hutan simpan kekal'

Oleh MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL

SHAH ALAM

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menafikan dakwaan badan bukan kerajaan (NGO) berkenaan penjualan tanah berstatus hutan simpan kekal (HSK).

Pengarah JPNS, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, lokasi yang dinyatakan dalam dakwaan tersebut bukan sebahagian daripada kawasan HSK diwartakan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

"Kenyataan media tersebut berdasarkan kajian oleh badan bebas dikenali sebagai Rimba Disclosure Project (RDP).

"Terdapat dua lokasi di Selangor yang didakwa diiklankan melalui laman web untuk dijual iaitu di Pulau Indah (Pulau Lumut) seluas 192 hektar dan Puncak Alam seluas 72 hektar.



AHMAD FADZIL

LAPORAN MUKA DEPAN

"Hasil semakan, kedua-dua lokasi tersebut bukan berstatus HSK," katanya pada Ahad.

Beliau berkata lagi, menurut kajian berkenaan sebanyak 43,539 hektar tanah berstatus HSK di negeri Perak, Selangor, Terengganu, dan Kelantan cuba dijual secara komersial menerusi beberapa laman web termasuk media sosial.

"Daripada keluasan tersebut, seluas 264 hektar tanah melibatkan Selangor.

"Berdasarkan semakan JPNS lokasi yang dimaksudkan untuk penjualan adalah bukan berstatus HSK," katanya.

Sinar Harian pada Sabtu melaporkan pembongkaran oleh RDP membabitkan penjualan 43,539 hektar tanah HSK. RDP yang merupakan badan bebas memperjuangkan perlindungan hutan hujan di Malaysia telah mengenal pasti 43,539 hektar tanah dalam hutan simpan terdiri daripada tanah adat orang asli cuba dijual melalui 28 penyenaraian di laman web termasuk Facebook pada tahun 2021.

Kata Ahmad Fadzil, keluasan HSK di negeri ini ditingkatkan kepada 250,250.29 hektar pada tahun 2021.

"Kejayaan itu adalah hasil komitmen tinggi kerajaan negeri melalui beberapa inisiatif sejak tahun 2010.

"Antaranya menguatkuasakan Dasar Moratorium (Pembekuan) ke atas Pembalakan dalam HSK selama 25 tahun dan meminda Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 pada tahun 2011 untuk mengenakan syarat siasatan awam ke atas penyahwartaan HSK," ujarnya.


Cubaan jual tanah hutan simpan

Keratan akhbar *Sinar Harian* pada Sabtu.